

13/11/1998

Unico rangka strategi khas untuk lima tahun

Norfatimah Ahmad

UNICO Technology Bhd (Unico), syarikat tempatan yang terbabit dalam pengeluaran produk berasaskan teknologi maklumat (IT), telekomunikasi dan elektrik yakin tumpuan terhadap aspek latihan, pendidikan dan kemahiran di kalangan pekerja mampu memberi sumbangan ke arah pemulihan ekonomi negara.

Malahan, 99 peratus produk Unico yang dieksport sedikit sebanyak memberi pulangan kepada negara dari segi tukaran wang asing.

Kadar pendapatan Unico menjelang tahun fiskal berakhir Mac 1998 berjumlah RM285 juta dan dijangka meningkat di antara 20 dan 30 peratus tahun ini kepada RM400 juta.

Selaras itu, Unico yang pernah mendapat pujian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai syarikat tempatan yang berani, merangka pelan perancangan dan strategi khas untuk jangka masa maksimum lima tahun bagi menempuh pelbagai cabaran dalam dunia yang serba canggih melalui penggunaan teknologi terkini.

Strategi itu membabitkan aspek mutu, penghantaran, bekalan, hubungan rapat dengan vendor dan sektor perbankan serta latihan untuk kakitangan.

Pengurus besar kanannya, Dr Sam Quah, berkata perdagangan dan perniagaan elektronik mendahului perancangan dalam usaha untuk melancarkan operasinya yang semakin meluas di peringkat antarabangsa.

Selain itu, Penyelidikan & Pembangunan (R&D) serta pembangunan perniagaan adalah dua jabatan yang akan diberi tumpuan khusus dan dijangka mampu memberi sumbangan terhadap perkembangan operasi syarikat menjelang abad ke 21.

"Perancangan yang digariskan akan gagal jika tahap pendidikan dan kemahiran pekerja pelbagai peringkat tidak dipertingkatkan.

"Aspek pembangunan kemahiran pekerja diperuntukkan antara 1.5 dan 2 peratus daripada keuntungan syarikat yang dijangka berjumlah RM400 juta menjelang tahun fiskal berakhir Mac 1999.

"Jumlah berkenaan termasuk RM50,000 untuk menawarkan peluang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi pelbagai peringkat," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di Zon Perindustrian Bebas Prai, Seberang Prai Tengah (SPT), semalam.

Quah berkata, pendedahan kepada pekerja diharap dapat meningkatkan keyakinan, kesetiaan dan komitmen terhadap syarikat terutama untuk menghasilkan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi.

Malah, katanya, sepasukan 17 kakitangan yang terdiri daripada jurutera jabatan R&D syarikat yang mula beroperasi sejak 1996 kini berupaya meyakinkan syarikat antarabangsa Amerika Syarikat dan Australia dengan menyediakan perkhidmatan pembangunan produk, mulai tahun ini.

Menurut Quah, pembabitan Unico dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) turut memberi pendedahan rakyat tempatan dari segi kemahiran dalam teknologi maklumat.

"Kami (Unico) juga menyediakan latihan praktikal penuntut institusi pengajian tinggi dan kolej tempatan," katanya.

Selain itu, katanya, sektor pembuatan dan teknologi pula diperuntukkan sebanyak 3 dan 10 peratus membabitkan antara RM9 hingga RM40 juta daripada jumlah keseluruhan pendapatan syarikat.

Menurutnya, pengukuhan pasaran di Eropah dan Amerika meyakinkan Unico untuk meneroka pasaran baru di negara membangun seperti Latin Amerika, Afrika Selatan, China dan India.

(END)

